

INDAH... Tasik Melati destinasi pelancongan utama di Perlis.

# TASIK MELATI TUMPUAN BERSANTAI



MENAKJUBKAN... keindahan Tasik Melati berlatarbelakangkan Bukit Chuping.



KEMUDAHAN... Menara Pandang Indah dibina untuk melihat panorama. meiro 13/6/06



SELAMAT... sekeliling tasik disediakan kemudahan berjoging.



SERONOK... skuter air disediakan untuk kanak-kanak dan orang dewasa.



SELESA... banyak tempat beristirahat untuk menjamu juadah yang dibawa.

## Laporan dan gambar BASRI BASRI

**T**ASIK Melati di Beseri, yang terletak kira-kira 15 kilometer dari bandar Kangar, antara destinasi pelancongan menarik dan tertua di Perlis yang menjadi tumpuan penduduk tempatan berkelah dan bersantai bersama keluarga.

Tasik yang dulunya dikenali sebagai Paya Kercik asalnya kawasan paya dengan airnya sungguh jernih dan menjadi sumber kehidupan penduduk di kawasan itu sejak awal 1960-an.

Menyadari potensinya, kerajaan negeri membelanjakan jutaan ringgit bagi membangunkan tasik itu dalam usaha menambahkan lagi koleksi destinasi pelancongan di Perlis. Usaha itu dilakukan sejak 1977 dan

Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) negeri bertanggungjawab membangunkan tasik itu mengikut fasa berdasarkan peruntukan disediakan.

Hasilnya, kini Tasik Melati boleh dikatakan taman rekreasi yang serba lengkap untuk aktiviti riadah bagi seisi keluarga. Antara kemudahan disediakan ialah titian konkrit merentasi tasik serta beberapa wakaf di tengah tasik untuk beristirahat.

Tarikan paling istimewa ialah pulau kecil buatan manusia yang dilengkapi landskap menarik. Sebanyak 150 pulau kecil dibangunkan JPS di kawasan tasik yang luasnya melebihi 40 hektar itu.

Sekeliling tasik pula dibina laluan berjoging dan pada setiap petang penduduk tempatan mengadakan aktiviti senamrobik di satu kawasan lapang

berhampiran tasik itu dengan penyer-taan percuma.

Kemudahan lain untuk pengunjung ialah gerai menjual makanan, surau, taman permainan kanak-kanak serta kawasan memancing bagi penggemar aktiviti itu.

Pertandingan memancing sering dianjurkan pihak tertentu, termasuk agensi kerajaan di kawasan itu yang dipenuhi ikan tilapia, haruan, keli, toman dan pelbagai spesies ikan air tawar.

Bagi yang ingin meneroka lebih dekat keindahan Tasik Melati, mereka boleh menyewa skuter air yang disediakan dengan bayaran RM3 untuk orang dewasa dan RM2 untuk kanak-kanak di bawah 12 tahun.

Selain itu, JPS selaku pihak yang menguruskan Tasik Melati membina

menara pandang jauh bagi membolehkan pengunjung melihat keindahan keseluruhan tasik itu serta menikmati panorama indah berlatar belakang Bukit Chuping dan Bukit Jernih yang terkenal di Perlis.

Walaupun populariti Tasik Melati mungkin tidak sehebat Tasik Chini di Pahang dan Tasik Bandedi di Perak, ia mempunyai kelas tersendiri bagi memikat pengunjung dengan berlatar belakang sawah bendang dan bukit yang cukup indah.

Tasik Melati juga sering menjadi destinasi persinggahan pelancong luar Perlis yang penat membeli-belah di pekan sempadan Perlis-Thailand di Wang Kelian atau Padang Besar, untuk beristirahat sebelum meneruskan perjalanan.

Boleh dikatakan pada setiap cuti hu-

jung minggu, ada saja bas pelancong menurunkan penumpang di kawasan tasik itu.

Penduduk tempatan mengambil kesempatan memeriahkan sekitar tasik untuk berkelah bersama keluarga.

Pintu pagar untuk masuk ke kawasan tasik mula dibuka pada jam 9 pagi dan ditutup pada jam 6 petang bagi mengelak kegiatan tidak sihat dan penyalahgunaan kemudahan yang disediakan.

## CARA KE SANAN

Dari bandar Kangar, gunakan laluan untuk ke Padang Besar dan anda akan menemui papan tanda menunjukkan arah menuju ke tasik itu di Kilometer 10. Bagi yang datang dari Arau, cuma belok ke kanan ketika sampai persimpangan ke Santan.